

Ahli Wanita Umno Kelantan disoal SPRM berhubung bantuan mangsa banjir

The Malaysian Insider

Oct 7, 2015

Oleh Muzliza Mustafa

Seorang ahli Wanita Umno Kelantan hari ini dipanggil bagi sesi soal siasat dengan pihak berkuasa anti-rasuah, berhubung dakwaan menyalahguna dana diperuntukkan untuk mangsa banjir negeri itu oleh agensi kerajaan.

Sumber rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, agensi yang terlibat adalah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seliaan menteri di jabatan perdana menteri hal ehwal Islam.

Ahli Wanita Umno itu dipercayai menjawat jawatan tinggi dalam agensi berkenaan dan kenyataannya direkodkan pada petang Isnin oleh SPRM, kata sumber.

Sesi soal siasat hari ini yang dijalankan di Shah Alam, adalah kali kedua untuknya.

Ahli Wanita Umno itu dilihat tiba pada jam 10.50 pagi ditemani seorang lelaki.

Difahamkan siasatan SPRM dilakukan berhubung dakwaan salah guna dana jutaan ringgit, salah guna kuasa dan pecah amanah.

SPRM turut dijangka menyoal siasat saudara-mara wanita itu termasuk pegawai kanan Yapeim bagi membantu siasatan.

Selain dakwaan membabitkan dana mangsa banjir Kelantan, SPRM juga melihat kebarangkalian salah guna kuasa membabitkan dana Yapeim untuk rumah di negeri itu.

Banjir Kelantan berlaku pada Disember tahun lalu merupakan antara yang terburuk dalam sejarah, menyaksikan 200,000 mangsa dipindahkan. – 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-wanita-umno-kelantan-disoal-sprm-berhubung-bantuan-mangsa-banjir>